

UMS rai 19 kakitangan akademik melalui kenaikan pangkat dan gred

UB 15.10.2023 P.06

Oleh Vivi Oliviana Najurus

KOTA KINABALU: Seramai 19 kakitangan akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) diraikan dalam Majlis Penyerahan Surat Tawaran Kenaikan Pangkat dan Kenaikan Gred baru-baru ini.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, 16 orang daripada jumlah itu mendapat kenaikan pangkat membabitkan jawatan Profesor Madya, Pensyarah Perubatan tanpa gelaran Profesor Madya dan Pensyarah Kanan.

“Tiga kakitangan akademik yang berjaya dalam kenaikan gred bagi kakitangan kontrak melibatkan jawatan Profesor Madya Perubatan untuk Pakar dan Pensyarah Perubatan dengan tanpa gelaran Profesor Madya turut dirai,” katanya semasa menyempurnakan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Kenaikan Pangkat dan Kenaikan Gred.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan



RAI: Salah seorang pensyarah dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Dr. Syahrudin Awg. Ahmad diraikan dalam majlis ini.

Antarabangsa) UMS Profesor Dr. Shahril Yusof, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Profesor Dr. Rosalam Sarbatly dan Pendaftar UMS Luqman Ridha Anwar.

Kasim berkata, majlis ini diadakan khas bagi meraikan dan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang sudah disahkan untuk kenaikan pangkat dan kenaikan gred.

“Seperti yang kita sedia maklum, proses permohonan

kenaikan pangkat kakitangan akademik adalah melalui sistem dalam talian dan dibuka sepanjang tahun.

“Selepas melalui proses perakuan oleh Ketua Jabatan dan penilaian di peringkat Jawatankuasa Tapisan dan Kesarjanaan Kenaikan Pangkat Kakitangan Akademik, 16 kakitangan akademik layak menghadiri sesi temu duga kenaikan pangkat.

“Manakala, tiga kakitangan akademik layak menghadiri

sesi temu duga kenaikan gred bagi kakitangan kontrak,” katanya.

Tambahnya, tanggungjawab dan amanah jawatankuasa sangat besar dalam memastikan pemilihan kakitangan bagi tujuan kenaikan pangkat dan kenaikan gred dibuat secara telus serta teratur.

“Kakitangan yang berjaya perlu berterima kasih kepada Ketua Jabatan dan rakan-rakan setugas, kerana kita di UMS ini sentiasa bekerja secara berpasukan.

“Tiada kakitangan yang boleh mendabik dada menyatakan dia cemerlang atas usahanya sendiri sahaja dan saya mengharapkan pengiktirafan yang diterima ini dapat menyuntik semangat kakitangan untuk terus berkhidmat dengan lebih dedikasi dan penuh iltizam.

“Jadilah kakitangan yang mempunyai integriti yang tinggi, penuh bertanggungjawab dan sentiasa berusaha untuk melaksanakan tugas dengan sepenuh hati,” katanya.